



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

#### **PTPTN AKAN PASTIKAN PROSES PERMOHONAN PENANGGUHAN BAYARAN BALIK MUDAH DAN CEKAP**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia dan menyambut baik inisiatif berkenaan PTPTN sebagaimana Pengumuman Khas Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) pada Isnin, 18 Januari 2021. Dalam pengumuman tersebut, YAB Perdana Menteri memberikan **penangguhan bayaran balik kepada peminjam PTPTN yang terjejas akibat bencana banjir.**
2. Pengerusi PTPTN, Wan Saiful Wan Jan berkata “Saya harap penangguhan yang diberikan ini akan dapat sedikit sebanyak membantu bebanan yang ditanggung oleh para peminjam kami. Kita tidak akan berkompromi di dalam usaha memastikan kesejahteraan rakyat. Keputusan ini adalah bukti keprihatinan kita kepada mereka yang terjejas akibat musibah banjir yang melanda. Saya juga telah meminta supaya semua pegawai di PTPTN memastikan proses memohon penangguhan ini berjalan dengan kaedah yang paling mudah untuk rakyat dan paling berkesan. Kita tidak mahu birokrasi yang berlebihan dalam melaksanakan program bantuan ini.”
3. Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid pula berkata “Pelbagai usaha dilaksanakan oleh Kerajaan dan PTPTN untuk membantu dan meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh peminjam PTPTN, penangguhan bayaran balik yang sebelum ini diberikan ekoran wabak COVID-19 kini diperluaskan kepada bencana banjir. Permohonan secara dalam talian (*online*) tanpa perlu hadir ke kaunter Cawangan PTPTN juga merupakan antara keprihatinan PTPTN untuk memudahkan urusan para peminjam.”
4. Untuk memudahkan urusan peminjam PTPTN, pelaksanaan penangguhan bayaran balik ini adalah seperti berikut:
  - a) Peminjam boleh mengemukakan **permohonan melalui portal rasmi PTPTN** di [www.ptptn.gov.my/PenangguhanKhasBayaranBalik](http://www.ptptn.gov.my/PenangguhanKhasBayaranBalik) mulai **20 Januari 2021 sehingga 31 Mac 2021**. Tiada sebarang dokumen sokongan diperlukan semasa permohonan.

- b) Penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN akibat bencana banjir ini akan diberikan untuk **tempoh tiga (3) bulan** bermula pada bulan yang sama kelulusan permohonan yang diberikan PTPTN dan dua (2) bulan ke hadapan di antara Januari hingga Mei 2021.
- c) Kelulusan penangguhan akan **dimaklumkan kepada peminjam melalui e-mel** yang dikemukakan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh peminjam mengemukakan permohonan. Untuk itu, peminjam adalah diingatkan untuk mengemaskini maklumat perhubungan yang tepat dan terkini bagi memastikan maklumat kelulusan permohonan penangguhan tersebut dapat disampaikan kepada peminjam.

5. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, peminjam boleh menghubungi *Careline* PTPTN melalui talian di 03 - 2193 3000 yang beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang atau melayari portal rasmi [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) di ruangan Soalan Lazim.